

Berkhidmat sebaiknya untuk imej universiti

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 26/6/2011 AF

KOTA KINABALU: Selepas 14 tahun mencurahkan bakti sebagai pengawal keselamatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jamin Santing, 59, mengakui banyak kenangan yang diperolehi sepanjang berkhidmat di universiti itu.

Memulakan khidmat pada 29 Mei 1952, penerima Anugerah Jasamu Dikenang ini berterima kasih dengan segala kerjasama yang diberikan sehingga beliau menamatkan perkhidmatan pada 7 Sept tahun lalu.

“Pesanan saya kepada bahagian keselamatan, berkhidmatlah dengan sebaik-baiknya demi meningkatkan prestasi bahagian keselamatan dan imej UMS sendiri,” katanya dalam klip video khas yang disiarkan pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) UMS, malam kelmarin.

Pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Perkhidmatan Terpuji sebelum ini, Jamin berkata peluang berkunjung ke luar negara ketika masih bergelar kakitangan universiti itu akan sentiasa dikenangnya.

Jamin adalah salah seorang daripada empat pesara yang menamatkan perkhidmatan mereka di UMS setelah tiga lagi pesara lain disambungkan tempoh perkhidmatan.

Selain Jamin, tiga pesara lagi yang menamatkan perkhidmatan adalah Timbalan Pendaftar Kanan, Nafisah Hassan (Feb 1995-Mei 2011), Pembantu Makmal Kanan, Gary@Edward Galing, (Mei 1996-Mac 2011) dan Pembantu Tadbir Kanan, Lianah@Marianie Kuntong (Mei 1996-April 2011) yang masing-masing berusia 58 tahun.

Sementara itu, tiga pesara yang disambungkan perkhidmatan adalah Naib



JASAMU DIKENANG ... Jamin menerima Anugerah Jasamu Dikenang daripada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon sambil disaksikan Abdullah (kiri).

Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi, Prof Datin Seri Panglima Dr Ann Anton dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Rosnah Ismail.

Pendaftar UMS, Mejar (K) Abdullah Mohd Said berkata pencapaian yang dikecapi UMS ketika ini adalah hasil kerja keras dan usaha secara kolektif semua kakitangan universiti itu.

“Kecemerlangan memerlukan pengorbanan yang besar dan iltizam yang tinggi dan amalan nilai-nilai murni perlu dijadikan pegangan untuk mencapai matlamat ini.

“Kakitangan juga harus mengubah gaya pemikiran mereka dan membuat anjakan paradigma di samping berusaha melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai,” katanya pada majlis itu.

Tambahnya, kakitangan UMS tidak harus cepat berpuas hati dengan pencapaian mereka sebaliknya terus berusaha mencapai kecemerlangan seiring dengan perubahan semasa.

Sementara itu, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana APC 2010 berkata, penganjuran majlis terbabit adalah untuk mengiktiraf kakitangan universiti melalui enam kategori yang diwujudkan iaitu